

Masyarakat Sipil ASEAN Menggesa Ketelusan dan Penglibatan Awam dalam Rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital

Kuala Lumpur/Jakarta/Manila/Bangkok: 23 Oktober 2025 — Menjelang Sidang Kemuncak ASEAN 2025, gabungan pertubuhan masyarakat sivil dari negara-negara ASEAN menyeru untuk lebih ketelusan, dan penglibatan awam yang bermakna dalam rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital (DEFA), iaitu suatu perjanjian perdagangan serantau yang utama yang bertujuan untuk mewujudkan peraturan digital yang mengikat dan boleh dikuatkuasakan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Dalam **surat bersama** yang diserahkan hari ini, kumpulan hak digital, organisasi buruh, pertubuhan pengguna dan rangkaian kepentingan awam serantau menyatakan kebimbangan bahawa DEFA bergerak ke hadapan tanpa penyertaan masyarakat sivil yang bermakna, perundingan awam atau akses kepada draf teks.

“Perjanjian ini telah dipromosikan secara besar-besaran sebagai pemacu integrasi serantau dan pertumbuhan ekonomi, menetapkan peraturan untuk data, platform, AI, dan perdagangan digital,” kata Bhima Yudhistira Adhinegara, Pengarah Eksekutif, Pusat Pengajian Ekonomi dan Undang-Undang (Center of Economic and Law Studies - CELIOS), Indonesia. “Tetapi memandangkan skala impak yang dijanjikan, adalah penting untuk rakyat ASEAN mengetahui apa yang terkandung di dalam perjanjian ini, dan proses rundingan tersebut mencerminkan komitmen ASEAN untuk berorientasikan rakyat dan berpusatkan rakyat.”

DEFA dijangka menangani isu utama seperti aliran bebas data, kecerdasan buatan, ID digital dan teknologi baru yang muncul. Kumpulan masyarakat sivil bimbang bahawa perjanjian itu boleh mengukuhkan monopoli teknologi dan menghadkan keupayaan kerajaan untuk melindungi pekerja, memastikan persaingan yang adil, menyokong perniagaan tempatan, menegakkan hak pengguna dan meneruskan dasar perindustrian yang menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

Perunding ASEAN telah menyatakan hasrat mereka untuk melengkapkan 70% perjanjian menjelang Sidang Kemuncak ASEAN minggu depan, dengan pengikatan perjanjian disasarkan untuk 2026.

Titik rujukan utama dalam rundingan ialah kajian oleh Boston Consulting Group (BCG), yang ditugaskan oleh Kerajaan Australia, yang mengunjurkan bahawa DEFA boleh menyumbang keuntungan ekonomi sebanyak USD1 trilion untuk rantau ini. Walau bagaimanapun, kumpulan masyarakat sivil menyedari bahawa kajian penuh, termasuk metodologi dan andaianya, belum didedahkan secara terbuka.

“Mengapa kerajaan asing membiayai pemodelan ekonomi untuk perjanjian digital ASEAN yang amat penting?” kata Mohideen Abdul Kader, Presiden Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang di Malaysia. “Jika angka ini mendorong perunding ASEAN untuk menandatangani perjanjian, maka rakyat ASEAN mempunyai hak untuk melihat butiran termasuk andaian dan metodologi, bukan hanya dek slaid BCG.”

Surat tersebut menggesa Negara Anggota ASEAN untuk memastikan semua pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk masyarakat sivil, kumpulan buruh, dan perniagaan kecil, mempunyai peluang untuk menyumbang secara bermakna kepada inisiatif serantau yang penting ini.

Ia mengesyorkan beberapa langkah konkrit, termasuk:

- Menerbitkan teks rundingan DEFA, pengemukaan negara, dan mandat ASEAN;
- Mengeluarkan kajian penuh BCG, termasuk andaian dan metodologinya;
- Mewujudkan mekanisme berstruktur untuk penyertaan masyarakat sivil di peringkat serantau dan nasional;
- Mengadakan acara penglibatan pihak berkepentingan semasa pusingan rundingan;
- Mendedahkan interaksi dengan pihak berkepentingan industri dan penasihat pihak ketiga, selaras dengan matlamat ketelusan ASEAN yang lebih luas.

"Visi ASEAN bagi rantau inklusif digital akan diperkukuh dengan dialog terbuka, perspektif yang pelbagai, dan kepercayaan awam yang luas," kata Cornelius Damar Hanung, Pengurus Program Asia Timur – ASEAN di FORUM-ASIA. "Ini adalah peluang untuk menunjukkan kepimpinan bukan sahaja dalam dasar digital, tetapi juga keterbukaan dan tanggungjawab kerajaan."

"DEFA akan memberi kesan ke atas kehidupan seharian rakyat ASEAN. Oleh itu perlu ada perundingan yang lebih luas. Kini kita dibiarkan dalam kegelapan kerana teks tidak didedahkan dan penyertaan tidak terbuka." kata Liza Garcia, Pengarah Eksekutif Yayasan untuk Media Alternatif (Foundation for Media Alternatives) di Filipina.

Mengenai DEFA: [DEFA-reporter-advisory.pdf](#)